

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sasar 200,000 pengunjung ke pameran meteor dan fosil	Utusan Malaysia
2.	Cameron Highlands kawasan paling sejuk di Malaysia	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KATA) : MUKA SURAT 31
TARIKH: 03 JANUARI 2016 (JUMAAT)

Sasar 200,000 pengunjung ke pameran meteor dan fosil

MELAKA 2 Feb. - Kira-kira 200,000 pengunjung disasarkan mengunjungi Pameran Dunia Yang Hilang: Meteor dan Fosil di Bastion House, Jalan Kota yang berlangsung selama sebulan sehingga 26 Februari ini.

Pameran anjuran Perbadanan Muzium Melaka (Perzim) dan KBZ Ventures itu dibuka kepada orang ramai bermula pukul 9 pagi hingga pukul 7 malam, manakala Sabtu dan Ahad operasi dilanjutkan hingga 9 malam.

Menurut Pengerusi Lembaga Pengarah Perzim, Datuk Hamdin Abdollah, kira-kira 150 koleksi fosil dari seluruh dunia termasuk Australia, India dan Arab Saudi dipamerkan kepada pengunjung.

"Antara fosil yang mencuri tumpuan adalah koleksi tahi bintang, tulang dinosour, tulang ikan, daun dan gigi gajah yang

berusia 309 juta tahun.

"Malahan, garapan teknologi cahaya dan audio dalam ruangan pameran ini seolah-olah memberi gambaran kepada para pelawat yang mereka kini berada dalam latar belakang era tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pameran tersebut di sini.

Yang turut hadir, **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** dan Pengarah Urusan KBZ Ventures, Siti Nor Khadijah Sh. Hassan.

Sementara itu, Hamdin yakin pameran tersebut dapat menarik pengunjung ke negeri ini bagi tujuan pendidikan sejarah, selaras hasrat Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron yang menyasarkan jumlah pelawat seramai 16.75 juta

orang pada tahun 2017.

Dalam pada itu, Siti Nor Khadijah memberitahu, pameran itu bertujuan memberi pendedahan kepada orang awam terutama pelajar berhubung perjalanan sejarah pembentukan bumi.

"Pameran juga amat sinonim bagi pelajar-pelajar universiti yang terlibat secara khusus dalam bidang geologi dan mata pelajaran geografi di peringkat sekolah menengah.

"Artifak-artifak yang dipamerkan adalah artifak asal yang dibawa dari pelbagai pelusok dunia. Ia disimpan dengan baik mengikut syarat dan adabnya serta ada di antara artifak berusia ribuan bahkan hingga jutaan tahun," ujarnya.

Tiket yang ditawarkan adalah RM15 untuk dewasa, manakala RM10 bagi kanak-kanak.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 03 JANUARI 2016 (JUMAAT)

Cameron Highlands kawasan paling sejuk di Malaysia

KUALA LUMPUR - Pusat peranginan terkemuka, Cameron Highlands adalah kawasan paling sejuk di Malaysia ketika ini, apabila mencatat suhu terendah, 16 darjah Celcius pada Januari lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che

Gayah Ismail berkata, faktor cuaca, hujan yang kerap pada Januari dan kadar liputan awan, memberi kesan kepada bacaan suhu yang dicatatkan.

Menurutnya, Cameron Highlands pernah melakar sejarah sebagai kawasan yang mencatat suhu paling rendah dalam negara iaitu 7.8 darjah

Celcius pada Februari 1978.

"Ia direkodkan pada ketinggian 1,471.6 meter dari purata paras laut.

"Di kawasan tanah rendah, tiada sebarang rekod suhu rendah melebihi paras minimum, dicatatkan dalam tempoh yang sama," katanya.

- *Bernama*